

28 JUN 2003

Ghani-Bekas polis (Bergambar)

85,000 BEKAS POLIS PERLU TERUS BANTU JAGA KESELAMATAN

JOHOR BAHRU, 28 Jun (Bernama) -- Lebih 85,000 anggota Persatuan Bekas Polis di seluruh negara masih perlu terus berperanan dalam menjaga keselamatan negara dengan cara dan keupayaan tersendiri.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata walaupun mereka telah bersara daripada perkhidmatan tetapi masih berupaya berperanan sebagai mata dan telinga kerajaan dalam pengesanan awal ancaman terhadap negara biar dari dalam atau luar negara.

"Kerajaan sentiasa yakin dan menghargai sumbangan bekas-bekas polis terutama sumbangan mereka kepada keselamatan negara semasa masih berkhidmat ketika Malaysia menghadapi ancaman komunis dan peristiwa 13 Mei 1969," katanya semasa perjumpaan mesra bersama lebih 1,500 bekas polis Johor di sini, hari ini.

Dalam perjumpaan di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana, Abdul Ghani menyampaikan sugu hati khas kerajaan berjumlah RM1.5 juta kepada 1,500 bekas polis yang berkhidmat antara tahun 1948 hingga 1962 iaitu sebahagian daripada sugu hati khas Kerajaan Persekutuan berjumlah RM54 juta untuk bekas polis di seluruh negara.

Beliau berkata dengan Malaysia yang maju dan makmur serta bersatu padu rakyatnya, ia kini menjadi perhatian dunia dan sebahagiannya adalah hasil sumbangan bekas-bekas polis yang menjamin keselamatan negara sehingga pembangunan berjalan lancar.

Abdul Ghani juga meluluskan peruntukan RM100,000 untuk tabung pembinaan bangunan Persatuan Bekas Polis Malaysia.

Sebelum itu, Presiden Persatuan Bekas Polis Negeri Johor Sheikh Tahir Mohamad berkata kesetiaan dan sokongan lebih 10,000 anggota bekas polis di negeri ini terhadap kerajaan tidak berbelah bagi lantaran mereka juga sudah berikrar untuk taat setia kepada negara dan kerajaan pada setiap masa.

"Apatah lagi di Johor ini, dengan Kerajaan Negeri pimpinan Menteri Besar tidak pernah menolak sebarang permohonan yang dikemukakan oleh persatuan seperti peruntukan geran tahunan tahun lepas sebanyak RM20,000 dan peruntukan menunaikan haji untuk lima orang bekas anggota setiap tahun," katanya.

Sambil menjanjikan undi untuk Barisan Nasional (BN) dalam setiap pilihan raya, beliau berkata bekas-bekas polis di Johor sentiasa menghargai perhatian dan keprihatinan kerajaan kepada mereka termasuk pelbagai peluang yang diberikan dari masa ke masa.

Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia Sen. Mansor Jaafar pula berkata kerajaan telah memberikan dan melakukan pelbagai perkara yang mungkin untuk menjaga kebajikan bekas polis dan oleh itu adalah wajar setiap anggota persatuan itu menghargainya.

"Ini termasuklah suguhati khas RM1,000 seorang ini, yang tidak pernah pun kita jangkakan... bahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir juga telah meluluskan peruntukan tambahan RM36 juta apabila bilangan yang layak bertambah 36,000 orang lagi daripada bilangan asal 18,000 orang," katanya.

Ketua Polis Johor Datuk Musa Hassan dan Exco-exco Kerajaan Negeri turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

MNY MNY PR